

ANGGOTA bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Buloh melakukan demonstrasi memadam kebakaran di Rumah Pangsa Fasa 11 Bandar Baru Sungai Buloh, Selangor, semalam.



Pembinaan balai bomba baharu jalan penyelesaian terbaik

Sungai Buloh catat panggilan kebakaran, kecemasan tertinggi

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN
utusankota@utusangroup.com

■ SUNGAI BULOH 20 OGOS

STATISTIK Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Buloh mencatatkan kawasan itu menerima panggilan kebakaran dan kecemasan tertinggi di negara ini.

Ketua balai berkenaan, Muhammad Hazrin Zulkifli berkata, pada tahun lalu, sebanyak 1,274 panggilan kes kebakaran dan panggilan khidmat khas berlaku di kawasan tersebut melibatkan kerugian harta bernilai jutaan ringgit.

Jelasnya, untuk rekod sehingga bulan ini sahaja, sebanyak 786 panggilan direkodkan.

"Kes kebakaran sepanjang tempoh tersebut turut melibatkan tiga kematian," katanya dalam sidang akhbar selepas hadir pada program pencegahan kebakaran di Rumah Pangsa Fasa 11, Bandar Baru Sungai Buloh di sini hari ini.

Yang turut hadir Setiausaha

Agung Persatuan Perjuangan Masyarakat Kota (Perkata), Adzly

Ab. Manas dan Pengarah Strategik Barisan Nasional (BN) Parlimen Subang, A. Prakash Rao.

Menurut Muhammad Hazrin, balai bomba kawasan itu menerima panggilan kecemasan tertinggi di Selangor mengatasi negeri lain iaitu Perak dan Johor.

"Pembinaan balai bomba baharu merupakan salah satu jalan bagi mengatasi masalah ini kerana boleh mempercepatkan masa ke sesebuah lokasi. Kawasan ini luas kerana melibatkan empat pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis

Daerah Kuala Selangor.

"Selain itu, pihak bomba kini mempergiat program kesedaran bagi mencegah kebakaran di kawasan perumahan dan pelaksanaan bomba komuniti dalam kalangan penduduk. Mereka akan dilatih dan mempelajari teknik memadam kebakaran, menggunakan pamadam api dengan betul dan mengenal sifat api," katanya.

Dalam perkembangan sama, Adzly pula berkata, balai bomba sedia ada merupakan satu-satunya di Sungai Buloh yang dibina sejak 20 tahun lalu. Beliau turut mendakwa faktor pembangunan yang tidak terancang men-

jadi antara punca kebakaran mudah berlaku di kawasan itu.

"Memandangkan, Sungai Bu-

loh merupakan kawasan nombor satu 'hotspot' kebakaran di negara ini, sebuah balai bomba baharu amat diperlukan. Tapaknya sudah ada di Bukit Rahman Putra dan cukup strategik dengan berhampiran taman perumahan dan premis perniagaan.

"Tetapi malangnya, pembinaan tersebut terbantut ekoran masalah birokrasi pihak kerajaan Selangor. Saya dihabarkan premium tanahnya terlalu tinggi iaitu RM2.5 juta, lebih mahal daripada pembinaan balai bomba itu," katanya.

Dalam masa sama, beliau merayu Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengecualikan cukai premium tanah kerana mereka mempunyai kuasa seperti termaktub di bawah Kanun Tanah Negara dan *Selangor Land Rules*.

"Janganlah berpolitik kerana kami dan penduduk di sini lebih memerlukan balai bomba baharu. Saya rasa jika BN mengambil alih Selangor, isu ini tidak akan berlaku," katanya.



ADZLY AB. MANAS



MUHAMMAD HAZRIN ZULKIFLI